
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2005/2006

April-Mei 2006

RDG 266 – Rekabentuk Perabot

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja. Jawab **SATU** soalan dari **BAHAGIAN A** dan **SATU** soalan dari **BAHAGIAN B** dan **DUA** soalan lagi dari **BAHAGIAN C**.


Sila asingkan buku jawapan untuk setiap Bahagian.

...2/-

- 2 -

Bahagian A.

1.


**Gambarajah 1**

Gambarajah 1 di atas adalah sebuah ciptaan Karim Rashid, 2004 yang berjodol '*Butterfly & Krysalis*'. Berdasarkan ciptaan tersebut anda dikehendaki mengadunkan dengan tema yang sesuai untuk satu ruang berukuran 80 x 80 kaki. Kedudukan '*Butterfly & Krysalis*' dalam ruang tersebut adalah berdasarkan budi bicara anda sebagai pereka rekabentuk dalaman profesional. Anda perlu menjelaskan dan memberi justifikasi akan kedudukan dan tema yang menjadi pilihan anda. Fungsi ruang juga perlu dijelaskan.


(25 markah)

- 3 -

2.



imej A



imej B



Imej C

Ketiga-tiga imej di atas direkacipta dalam era yang berbeza. **Imej A** dicipta oleh Marcel Breuer dalam tahun 1950an, manakala **imej B** adalah ciptaan Joe Colombo pada tahun 1960an dan **imej C** adalah hasil ciptaan Paweł Grunet dari Poland dalam tahun 1990an. Anda dikehendaki membincangkan perkembangan ciptaan berdasarkan pembangunan teknologi, bahan serta penekanan dan kepentingan semasa era tersebut.

(25 markah)

....4/-

Bahagian B

3. (a) Terdapat pelbagai jenis perabot yang dihasilkan di pasaran pada masa kini yang merangkumi perabot untuk kediaman, pejabat, perpustakaan dan sebagainya. Pilih **TIGA** jenis perabot dan jelaskan secara terperinci ciri-ciri dan kegunaan perabot tersebut. Penerangan perlu dilakukan dengan bantuan lakaran.
- (b) Terdapat beberapa kriteria yang perlu diambil berat sebelum anda memilih sesuatu perabot samada untuk kediaman dan sebagainya. Jelaskan dengan terperinci kriteria-kriteria tersebut.

(25 markah)

4. (a) Terangkan secara jelas maksud istilah-istilah di bawah:
- (i) Kayu Berat
 - (ii) Kayu Ringgan
 - (iii) Pelapis
- (b) Terangkan **TIGA** jenis sambungan yang digunakan sewaktu membuat perabot beserta dengan lakaran.

25 markah)

Bahagian C. Sila gunakan kertas A3.

5. (a) Lukiskan perincian asas pembinaan struktur kemasan permukaan atas kaunter berdasarkan setiap aplikasi bahan berikut. Muatkan catatan spesifikasi , ciri-ciri serta keistimewaan penggunaan bahan tersebut.

- (i) Kayu & Lapisan Plastik
- (ii) Batu
- (iii) Marmor
- (iv) Kepingan Logam

(b) Buat lakaran terperinci 4 jenis kemasan profil tepian yang bersesuaian untuk dipadankan dengan bahan-bahan diatas.

(25 markah)

6. Lukiskan pandangan visual 3-dimensi menunjukkan perbezaan DUA kaedah fabrikasi sistem kerangka dan panel di dalam pembinaan kaunter peragaan jualan (*point of purchase*) seperti berikut. Pilih SATU.

- (i) Kosmetik lelaki
- (ii) Aksesori perhiasan emas wanita
- (iii) Telefon bimbit

(25 markah)

7. Pilih SATU. Buat perbandingan dengan bantuan lakaran konsep diantara pola-pola perilaku polikronik dan monokronik di dalam ruang berikut. Huraikan signifikan kedua-dua hal tersebut di dalam pengaturcaraan ruang dan perabot .

- (i) Lobi Hotel
- (ii) Balai ketibaan/berlepas terminal lapangan terbang
- (iii) Pejabat urusan bank

(25 markah)